

## Asal Usul Gerakan Pendidikan Muhammadiyah di Indonesia

MAMAN ABDUL MAJID BINFAS, MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH & AHMAD MUNAWAR ISMAIL

### ABSTRAK

*Sejarah penubuhan suatu organisasi tidak dapat dipisahkan daripada gagasan dan pemikiran pengasasnya. Orang-orang yang bergabung menjadi ahli secara sedar telah bersetuju dengan dasar dan matlamat organisasi tersebut yang pada hakikatnya adalah perwujudan daripada gagasan para pengasasnya. Demikian halnya dengan Muhammadiyah, di Indonesia tidak mungkin dipisah daripada Ahmad Dahlan sebagai pengasasnya. Lebih asas lagi, kelahirannya sebagai gerakan Islam melalui sistem organisasi juga memperoleh rujukan teologi, sebagaimana tercermin dalam pemaknaan ataupun tafsiran surah al-Quran ‘ali Imran ayat 104. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif bersifat deskriptifanalitikal iaitu tulisan yang berusaha menggambarkan data yang sesuai keadaannya. Dalam memformat gerakan Muhammadiyah dalam konteks kelahirannya bukan hanya semata-mata teknikal tetapi juga didasari pada rujukan keagamaan yang selama ini melekat dalam alam fikiran para ulama mengenai Kaedah “mā lā yatimm al-wājib illā bihi fa huwā wājib”, ertinya sekiranya suatu urusan tidak akan sempurna manakala tanpa alat, maka alat itu menjadi wajib adanya. Hal inilah yang membuat gerakan Muhammadiyah, terutama di bidang lembaga pendidikan semakin laju sejak didirikannya pada tahun 1912 hingga tahun 2010 telah berjumlah 16,942 buah.*

*Kata kunci: asal usul, gerakan, pendidikan Muhammadiyah*

### ABSTRACT

*The history of an organization cannot be separated from the ideas and thoughts of the founder. The individuals who join the organization as a conscious member has agreed to the policies and objectives of the organization which is in fact the embodiment of the idea and vision of its founders. As such Muhammadiyah will not be separated from Ahmad Dahlan as its founder. More fundamentally, the birth of the Muhammadiyah Islamic movement through the organisation, also obtain theology references as reflected in the meanings or interpretations of verses from the holy ‘ali Imran verse 104. This article is about history (origin) of Indonesian Muhammadiyah Education Movement using qualitative analytical descriptive methodology. The establishment of the Muhammadiyah movement is not purely technical but also was based on religious references about the nature on methods “mā lā yatimm al-wājib illā bihi fa huwā wājib”, meaning a business would not be perfect without tools, then the device becomes mandatory. This is also to make the Muhammadiyah movement, especially in the field of education board since it was founded in the year 1912 to 16,942 units grow faster in 2010.*

*Key words: origin, movement. Muhammadiyah education*

### PENGENALAN

Sejarah pengasasan suatu organisasi tidak dapat dipisah daripada gagasan dan fikiran pengasasnya. Sebab orang-orang yang kemudian bergabung menjadi ahli secara sedar telah bersetuju dengan dasar dan matlamat organisasi tersebut yang pada hakikatnya merupakan perwujudan daripada gagasan para pengasasnya. Persatuan Syarikat Islam Indonesia (PSII) tidak mungkin dipisah dengan Haji Oemar Said Cokroaminoto (HOS Cokroaminoto). NU tidak mungkin dipisah dengan Hasyim Asya’ari. Demikian juga Muhammadiyah tidak mungkin dipisah daripada Ahmad Dahlan (Maman A. Majid Binfas

2003:29). “Lebih asas lagi, kelahiran Muhammadiyah sebagai gerakan Islam melalui sistem organisasi juga memperoleh rujukan teologi sebagaimana tercermin dari pemaknaan ataupun tafsiran surah al-Quran ‘ali Imran ayat ke-104: Yang ertinya bermaksud memerintah adanya “*sekumpulan orang untuk mengajak kepada Islam, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang mungkar*” (Hamka 1990:5360). Pemaknaan ayat inilah menjadi inspirasi teologi amal yang mengandung makna perintah untuk gerak dalam sebuah gerakan, kerana dasar utama dalam memaknai ajaran Islam bukan sekadar menjadi seperangkat ajaran ritual-ibadah dan hubungan dengan Allah semata, tetapi justeru

melakukan gerakan peduli dan terlibat dalam memecahkan masalah-masalah konkrit yang dihadapi manusia. Untuk itu, kajian ini akan menghuraikan mengenai asal usul Gerakan Pendidikan, Muhammadiyah, Kelahiran Muhammadiyah, dan Institusi Pendidikan Muhammadiyah.

## GERAKAN PENDIDIKAN

Gerakan pendidikan yang berpaksi ajaran tauhid, dinyatakan dengan jelas dari segi matlamat yang mendasarinya, pendidikan Islam adalah suatu pendidikan yang melatih perasaan murid-murid dengan cara begitu rupa sehingga dalam sikap hidup, tindakan, keputusan, dan pendekatan mereka terhadap segala jenis pengetahuan, mereka sangat dipengaruhi oleh nilai rohani dan sangat sadar akan nilai aturan Islam, sebagaimana pengajaran yang telah dicontohi oleh Rasulullah, dalam meletakkan garis-garis besar pemikiran pendidikan Islam dalam al-Qur'an (Syed Sajjad & Syed Ali 1986:2). Selepas Rasulullah s.a.w. wafat, budaya gerakan pendidikan terus berkesinambungan sehingga ke semasa kini. Para sahabat meneruskan tugas Rasulullah sebagai *murabbi* (pendidik) atau telah berkhidmat secara sukarela, tulus ikhlas, dari roh batin menjiwa, menjadi dasar intisari gerakannya sebagai pensyarah. Sehingga budaya gerakan pendidikan Islam semakin lama semakin berkembang dan diperbaharui sesuai masanya.

Timbulnya budaya pengelolaan pendidikan di setiap Dawlah Islam yang muncul sehingga ajaran Islam berkembang dan masuk Alam Melayu. Pengaruh demikian memberi kepada sistem pendidikan yang dikelola oleh gerakan-gerakan Islam di Alam Melayu Terutama *Dar al-Arqam*, Muslimin Malaysia (ISMA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Ulama' Malaysia (PUM), dan sebagainya di Malaysia. Penerusan pengaruh Islam sebagai pemaksa (*force*) dalam sesuatu sebagai bentuk gerakan *Islah* di Tanah Melayu pada tahun 1906 hingga 1948 (Roff 2003: 87). Walaupun kemuncak pengaruh Islam dalam satu gerakan politik di Malaysia dengan kelahiran Hizbul Muslimin pada bulan Mac 1948, pertubuhan ini dirancang sebagai landasan kepada perjuangan politik Islam sebagaimana Masyumi di Indonesia. Gagasan pembentukan seperti ini bersendikan cita-cita *Islamiyah* dan berimbas kepada pemikiran untuk memajukan pendidikan Islam (Mohamad Abu Bakar 1997: 158). Cita-cita tersebut, boleh wujud tentunya

dengan gagasan gerakan pembaharuan termasuk dalam hal pembaharuan pendidikan.

Gerakan pembaharuan pendidikan di Indonesia bermula dari Minangkabau, Sumatera Barat yang adalah kelanjutan dan perluasan daripada organisasi pendidikan. Kemudian pembaharuan pendidikan yang dilakukan oleh masyarakat Arab di Indonesia, sehingga kebangkitan Islam semakin berkembang dalam membentuk organisasi-organisasi sosial keagamaan (Azyumardi 2002:125). Sementara itu, hampir pada masa yang sama, pemerintah penjajah menggunakan politik etik (*Ethische Politiek*) atau politik balas budi. Ini dilakukan oleh Ratu Wihelmina yang telah memutuskan polisi ini kerana desakan dan kritik-kritik daripada beberapa tokoh, seperti Van Deventer dan lain-lain (Mulyawan Karim 2008, 5 Mei).

Selanjutnya, Belanda mendirikan sekolah-sekolah formal bagi bumiputra, terutama dari kalangan keluarga kerajaan (*priyayi*) dan kaum bangsawan. Pendidikan Belanda tersebut membuka mata kaum terpelajar akan keadaan masyarakat Indonesia. Pengetahuan mereka tentang kemiskinan, kebodohan, dan ketertindasan masyarakat Indonesia, pada saatnya mendorong lahirnya organisasi-organisasi sosial (Badri Yatim 2006:25). Lahirnya organisasi tersebut, menanda tumbuhnya benih-benih nasionalisme dalam pengertian moden. Dari beberapa insitituti atau organisasi massa Islam yang masih wujud hingga ke masa kini, seperti Persis, Al Irsyad, Jami'at Khair, dan beberapa nama di luar jawa, meliputi Nahdlatul Wathan, Sumatera Thawali, dan lain-lain. Nampaknya hingga ke semasa kini, Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU), lebih dikenali oleh masyarakat luas. Ini juga, tidak terlepas daripada kerapnya kedua-dua organisasi masyarakat (ORMAS) tersebut, diwacanakan dalam pelbagai kajian ilmiah, sama ada oleh ilmuwan tempatan mahupun antarabangsa. Selain itu, kedua-dua ormas Islam terbesar di Indonesia tersebut juga memiliki struktur kepemimpinan yang sangat hierarki dari peringkat pusat di ibukota hingga ke peringkat cawangan di kelurahan-kelurahan.

Memformat gerakan Islam melalui organisasi dalam konteks kelahirannya, seperti organisasi Muhammadiyah juga bukanlah semata-mata isu teknikal tetapi juga didasari pada rujukan keagamaan yang selama ini melekat dalam alam fikiran para ulama mengenai qaidah "*mâ lâ yatimm al-wâjib illâ bihi fa huwâ wâjib*" [suara-muhammadiyah.com 2012]. Ertinya sekiranya sesuatu urusan tidak akan sempurna tanpa alat, maka kewujudan alat itu menjadi wajib. Untuk itu dalam kajian; Sejarah (asal

usul) Gerakan Muhammadiyah Indonesia akan bermula dengan mengenalpasti asal usul tentang jejak sejarah ditubuhkan sebuah gerakan yang dimaksud.

#### ASAL USUL MUHAMMADIYAH

Pengamalan ajaran Islam bercampur tanpa difaham secara baik dan benar oleh penghulu agama keraton dan oleh ramai umat Islam, baik berada dikalangan keraton Yogyakarta mahupun di seluruh wilayah di Indonesia terlebih khususnya lagi di masyarakat Kauman Yogyakarta sebagai kampung halaman K.H. Ahmad Dahlan. Di sini bermula Kiyai Ahmad Dahlan dibuatnya gelisah sungguh, dan merenung untuk bertindak balas dalam meluruskan pemahaman yang baik dan benar terhadap amalan-amalan ritual keagamaan, yang sudah tidak sesuai akal sehat dalam pengamalan ajaran agama Islam yang sesungguhnya. Misalnya, pengamalan ajaran agama tidak mendasar dengan pemahaman yang benar seperti; tahyul, bidaah, dan khurafat. Hal tersebut, membuat keadaan umat Islam semakin mengalami kemunduran dan kebekuan dalam berfikir, sehingga mereka berbuat hal yang tidak sesuai dengan ajaran al-Qur'an, sesuai dengan firman Allah yang bermaksud, yang ertinya;

*“Dan janganlah kamu menyembah apa-apa yang tidak memberi manfaat dan tidak (pula) memberi mudharat kepadamu selain Allah (QS. Yunus 10:106); sebab jika kamu berbuat (yang demikian), itu, maka sesungguhnya kamu kalau begitu termasuk orang-orang yang zalim” (QS. Ghofir: 60).*

Di samping, keadaan masyarakat yang ditindas oleh penjajah Belanda yang memang menginginkan rakyat Indonesia tetap bodoh, dan makin parah lagi justeru dilakukan oleh para penghulu agama Islam pribumi yang tidak memahami ajaran agama yang baik dan benar sesuai al-Quran dan Sunnah. Justru Kiyai Ahmad Dahlan menjalankan gagasan pembaharuannya melalui pendidikan untuk mencerahkan masyarakat dengan melakukan iaitu: pertama, memurnikan ajaran Islam dengan membersihkan amalan dan pengaruh yang bukan ajaran Islam, kedua, reformasi ajaran dan pendidikan Islam, ketiga, mereformasi doktrin-doktrin dengan pandangan alam fikiran moden, keempat, mempertahankan ajaran Islam daripada pengaruh dan serangan daripada luar Islam (Yusran Asmuni 2001:100). Oleh itu, untuk mengetahui kejayaan dan asal usul Muhammadiyah dalam dunia pendidikan,

maka sepatutnya harus lebih dahulu mengenali Kiyai Ahmad Dahlan.

#### K.H. Ahmad Dahlan

K.H. Ahmad Dahlan (KHAD) lahir di Kauman, Yogyakarta pada tahun 1868M (1285 H), dan meninggal pada 23 Februari 1923 M / 7 Rejab 1340 Hijrah dalam usia 55 tahun. Beliau berakar dari keluarga dihormati dan terkenal alim dalam ilmu agama. Ayahnya bernama KH. Abu Bakar, seorang imam dan khatib Masjid besar Keraton Yogyakarta. Sementara ibunya bernama Aminah, putri KH. Ibrahim, iaitu mantan penghulu di Keraton Yogyakarta (Delia Noer 1995: 48). Nama kecilnya, adalah Muhammad Darwisy, mengenai pertukaran namanya daripada Darwisy menjadi Ahmad Dahlan, terdapat beberapa pandangan. Konon, beliau mengganti namanya menjadi Haji Ahmad Dahlan, yang diambil daripada seorang mufti yang terkenal dari mazhab Syafi'i di Mekah, iaitu Ahmad bin Zaini Dahlan. Pada versi lain mengatakan bahawa pertukaran tersebut berlaku semasa beliau belajar pada Syeh Ahmad Khatib. Semasa itulah beliau mengganti namanya secara rasmi menjadi Haji Ahmad Dahlan (Hasbullah 1995:95). Namun, jejak asal pergantian nama beliau menjadi Ahmad Dahlan adalah pemberian daripada seorang guru agamanya Sayyid Bakri Syaththa (penganut Imam Syafi'i) di Mekah. Alasan pemberian nama Ahmad Dahlan adalah sebagai bentuk penghormatan kepada seorang tokoh besar mazhab Syafi'i di Mekah, Ahmad ibn Zaini Dahlan (Ahmad Najib Burhani 2004: 57).

Ahmad Dahlan dikenal sebagai seorang yang jujur dan sederhana, dan ini membuat beliau disukai ramai orang. Untuk mempelajari ilmu-ilmu agama beliau berpindah dari satu sekolah ke sekolah yang lain. Ahmad Dahlan memiliki sikap kritikal terhadap pola pendidikan tradisional semasa itu, tetapi tidak punya kekuatan untuk mengubahnya. Untuk itu, beliau menggunakan hati suci dan memfungsikan akal fikiran yang suci, merenung sambil berdoa dengan sungguh-sungguh penuh ikhtiar guna mencari jalan keluar yang terbaik. Sehingga kemudian, beliau memutuskan dengan berpendapat bahawa suatu pengetahuan hanya akan bermanfaat sekiranya ia direalisasikan sesuai dengan keadaan, dan bahaya besar akan dihadapi, sekiranya setiap persoalan tidak dapat dipecahkan dengan “hati yang suci” atau “fikiran yang suci.” Tentunya gerak jiwa yang suci dengan do'a tulus ikhlas suci akan dikabul oleh Tuhan

yang Maha Suci. Sememangnya Tuhan Maha Suci dan pemurah, tanpa diduga-duga oleh Ahmad Dahlan, Tuhan menggerakkan hati ayahnya, sehingga ayah beliau meminta Ahmad Dahlan untuk melanjutkan pendidikannya ke Mekah tahun 1890 (Musthafa Kamal Pasha 1975:8-9). Kemungkinan di sinilah, beliau berinteraksi dengan pemikir-pemikir dan pembaharu dalam dunia Islam, selai melalui kitab-kitab yang dikarang oleh Muhammad Abduh, al-Afgani, Rasyid Ridha, dan Ibnu Taimiyah. Hal tersebut, boleh dikatakan bahawa mungkin beliau semakin membuka wawasannya, mengenai gagasan-gagasan tentang reinterpretasi Islam dengan gagasan kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah. Pemikiran tokoh-tokoh Islam tersebut, kemungkinan berpengaruh besar kepada beliau. Ahmad Dahlan juga berguru pada Syaikh Ahmad Khatib (1899-1916), tokoh kelahiran Indonesia, yang di masa itu memegang posisi tertinggi dalam penguasaannya atas ilmu-ilmu agama di Mekkah (Muhammad Syamsu As 1999:245).

Pada tahun 1902 untuk kedua kalinya beliau menunaikan ibadah Haji, peluang tersebut selain dimanfaatkan untuk berhaji, juga untuk lebih memperluaskan lagi ufuk keilmuannya dengan menelaah kitab-kitab dari Mesir terutama kitab yang paling disukai beliau seperti Tafsir Muhammad Abduh. Seterusnya, hal tersebut terbukti semasa beliau bertemu Syekh Ahmad Sjoorkati yang sedang membaca kitab tafsir Muhammad Abduh di dalam "kereta api," dari Jakarta menuju Surabaya, lewat Yogya dan Solo (Solichin Salam 1963:80). Daripada pertemuan tersebut, diduga kuat bahawa mereka berdua bertukar fikiran mengenai fahaman di dalam tafsir tersebut. Tafsir ini memberi cahaya terang dalam hatinya dan semakin membuka akalinya untuk berfikir jauh ke hadapan tentang keadaan dan nasib umat Islam di tanah airnya.

Selanjutnya, menjadi pertanyaan; adakah kesamaan dan perbezaan antara Muhammad Abduh dengan KH. Ahmad Dahlan? Muhammad Abduh terkenal dengan ketajaman penanya, dan dengan penanya itu pula dituangnya segala fikiran dan cita-citanya, maka dalam hal ini berbeza halnya dengan Ahmad Dahlan (Solichin Salam 1963: 58). KH. Ahmad Dahlan oleh banyak pakar sering dinyatakan sebagai tokoh pembaharu dan Muhammadiyah sebagai wadah gerakan pembaharuan. Namun, perlu dicatat bahawa gerakan pembaharuan yang dilakukan Muhammad Abduh adalah di laksanakan di negara-negara di mana institusi keagamaan dan fasilitinya sudah tersedia dengan lengkap. Bahkan Muhammad Abduh sendiri adalah salah seorang

ulama di Mesir yang mempunyai kedudukan terhormat di Universiti al Azhar dan Darul Ulum. Kedua universiti tersebut merupakan perguruan tinggi yang sangat berwibawa dalam keilmuan agama Islam, bukan sahaja di Mesir, namun juga di seluruh dunia Islam. Oleh demikian gagasan pembaharuan Muhammad Abduh merupakan gagasan intelektual yang telah di sokong oleh dua universiti besar tersebut. Sedangkan gagasan pembaharuan yang dilakukan oleh Ahmad Dahlan sama sekali tidak memperoleh sokongan daripada institusi pendidikan mana pun. Disebabkan di Indonesia pada masa itu belum ada sebuah sekolah pendidikan dasar di kalangan umat Islam, dapat difahami bahawa gerakan pembaharuan Ahmad Dahlan bersifat sangat pratikal, ialah mengembangkan gagasan dan fikiran serta mengusahakan fasiliti sendiri sebagai penyokong untuk melaksanakan gagasan dan fikirannya (Maman A. Majid Binfas 2003: 29).

Terlepas daripada itu gagasan untuk memperdalamkan lagi ilmu yang dicita-citanya tersebut, Kiyai Ahmad Dahlan semakin terus diasah dan dijayakan, dengan melakukan ibadah Haji kedua kalinya dan bermukim di Mekah selama dua bulan. Pada masa-masa itulah, beliau bertemu dan berkenalan dengan Rasyid Ridha yang kebetulan sedang berada di Tanah Suci. Keduanya sempat bertukar fikiran sehingga cita-cita pembaharuan meresap ke hati sanubari Kiyai Ahmad Dahlan. Daripada kisah mengenai keterpengaruhan Kiyai Ahmad Dahlan secara intelektual dan semangat yang terkandung, sama ada dalam bentuk tulisan mahupun secara langsung yang diperolehinya di Mekah tersebut, maka secara perlahan-lahan mempengaruhi pemikiran beliau untuk melakukan pembaharuan pemikiran keislaman di kampung halamannya di Kauman, Yogyakarta.

Sekembalinya Ahmad Dahlan dari Mekah tahun 1905, beliau menikah dengan Siti Walidah, anak perempuan seorang hakim di Yogyakarta yang kelak dikenal dengan Nyai Ahmad Dahlan, dan setelah kemerdekaan Indonesia diangkat menjadi salah seorang Pahlawan Nasional dan pendiri Aisyiyah (Syamsi Sumardjo 1976: 4). Dari perkahwinannya *pertama* dengan Siti Walidah, Ahmad Dahlan di anugerahi enam orang anak. *Kedua*, berkahwin Nyai Abdullah berputra R.H. Duri. *Ketiga*, berkahwin dengan Nyai Rum adiknya Kjahi Munawar Krapjak Jogja mempunyai anak namun meninggal semasa bayi. *Keempat*, berkahwin dengan Ibu Nyai Aisyah (adik Adjengan Penghulu) Cianjur dan mempunyai seorang anak yang bernama Dandanah. *Kelima*, Beliau pernah pula menikah

dengan Nyai Yasin Pakualam Yogyakarta. Namun, dari isteri yang kedua sampai kelima tersebut, mereka adalah berstatus janda, dan isteri pertamalah yang paling lama hingga beliau meninggal dunia (Junus 1968: 9). Adapun hubungan beliau, sama ada sebagai suami mahupun sebagai ayah kepada isteri-isteri dan anak-anaknya, adalah baik sesuai dengan tuntutan agama Islam yang sesungguhnya.

Ahmad Dahlan mendapat sebutan Kiyai dari masyarakat sekembalinya beliau dari Mekah yang pertama. Sejak itu di mana-mana beliau dikenali dengan nama Kiyai Haji Ahmad Dahlan (KH Ahmad Dahlan). Kemudian, diangkat oleh Sri Sultan Agung (Sultan Hamengkubuwono VII) menjadi Khatib Masjid Besar Kauman Yogyakarta, dan dianugerahi gelar khatib Amin (Deliar Noor 1980: 99). Gelar ini diperolehi, selepas kematian ayahnya pada tahun 1890, sebagai seorang khatib beliau memikul amanah untuk menyampai khutbah di Masjid Agung sebulan sekali. Selain mengajar di suraunya, KH. Ahmad Dahlan juga adalah seorang peniaga batik yang berjaya dengan jaringan perniagaan di beberapa bandar di Jawa sehingga ke Medan, Sumatera. Sikapnya yang amanah dan penghayatan keagamaannya menjadikan beliau amat disukai oleh para Kiyai sehingga diberi gelar sebagai *ketib* Amin atau Tibamin, iaitu khatib yang dapat dipercayai (A. Mukti Ali 1975:30). Kerana itu, beliau semakin turut mendapat kepercayaan para Kiyai dan usahawan Muslim di luar Jogjakarta sehingga pernah ditawarkan untuk menjadi khatib di masjid Medan, walaupun beliau bukan orang tempatan. Di samping itu, KH. Ahmad Dahlan selain tokoh masyarakat beliau juga seorang tokoh nasional. Atas jasa-jasanya dalam membangkitkan kesedaran bangsa Indonesia melalui pembaharuan Islam dan pendidikan, maka Pemerintah Republik Indonesia menentukannya sebagai Pahlawan Nasional dengan surat Keputusan Presiden no. 657 tahun 1961 (Junus Salam 1968: 8, VII-VIII). Bahkan Bung Karno sendiri adalah pengagum ajaran KH. Ahmad Dahlan sekaligus sebagai anggota dan menjadi pengurus ketua pengajaran Muhammadiyah di Bengkulu, Sumatera. Dalam kadar Bung Karno dengan dinyatanya, sebagai berikut;

“Kita mengenal KH. Ahmad Dahlan, bukan setakat sebagai seorang pengasas dan bapak Muhammadiyah sahaja, akan tetapi beliau adalah salah seorang perintis kemerdekaan dan reformer Islam di Indonesia. KH. Ahmad Dahlan manusia amal, manusia yang *sepi ing pamrih, tapi rame ing gawe*; manusia yang berjiwa besar, yang dadanya penuh dengan cita-cita yang luhur,

penuh dengan semangat berjuang dan berkorban untuk kemuliaan agama” (Solichin Salam 1963: 82, 130).

Meskipun K.H. Ahmad Dahlan sebagai salah seorang tokoh Nasional yang dihormati kerana ketinggian ilmunya, namun pembaharuan yang ingin dibawanya ketengah masyarakat muslim dalam soal meluruskan dan meluaskan kefahaman dalam urusan ibadah menimbulkan keresahan dan ketegangan. Beliau dituduh menyebarkan pemahaman Islam yang aneh dan belum diketahui oleh masyarakat setempat. Kepada anak-anak muridnya, beliau bukan sahaja mengajar kitab-kitab klasik mazhab Imam as Syafii dan kitab tasauf al Ghazali tetapi juga kitab-kitab terkini karangan Syeikh Muhammad Abduh seperti *Risalah Tauhid*, *Tafseer Juzu’ Amma* dan *al Islam wal Nasraniyah* dan karangan Ibnu Taimiyah seperti *Fi al Bid’ah* dan *al Tawasul wal Wasilah*. Ini mesti fahami, kerana semua ulama yang kembali dari Mekah dan Mesir pada awal kurun abad ke 20, KH. Ahmad Dahlan juga terdedah kepada fikrah pembaharu Islam Syeikh Muhammad Abduh, Sayyid Jamaluddin al Afghani dan Sayyid Rashid Ridha, diperkirakan berlangsung antara tahun 1890-1905. Meskipun mereka bergurukan imam-imam bermazhab Syafi’i seperti Syeikh Ahmad Khatib dari Minangkabau di Mekah, namun guru-guru ini memperlihatkan sikap keterbukaan terhadap pelbagai mazhab fiqh dan aliran pemikiran Islam moden. Pendedahan dan keterbukaan ini boleh dilihat daripada produk ulama-ulama yang kembali ke tanah air pada pada zaman itu seperti H. Agus Salim yang mendapat bimbingan peribadi (*personal coaching*) daripada Syeikh Ahmad Khatib, ulama-ulama yang disebut sebagai ‘kaum muda’ seperti Syeikh Abdul Karim Amrullah, Syeikh Jamil Jambek, Syeikh Abbas Abdullah, Sayyid Syeikh al Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin, ulama yang mempelopori jihad melawan penjajah seperti Teungku Muhammad Saman atau dikenal dengan Teungku Cik di Tiro (Aceh) dan Hj. Mat Hassan bin Panglima Munas atau Tuk Janggut (Pasisir Puteh, Kelantan). Mereka ini adalah ulama pembaharu atau reformis yang tidak mengikat diri kepada mazhab yang tertentu, mementingkan ilmu moden yang dikuasai oleh barat, memerangi bid’ah dan semua amalan yang tiada dasarnya dalam syariat, menolak taqlid dan menggalakkan ijtihad dalam isu-isu terkini yang dihadapi umat Islam (Junus Salam 1968: 8,12).

Termasuk mengenai hal-hal pembaharuan Islam yang cukup asli dari Kiyai Ahmad Dahlan dapat dirujuk pada pemahaman dan pengamalan Surat Al-

Ma'un. Gagasan dan pelajaran tentang Surat Al-Maun, adalah contoh lain yang paling monumental daripada pembaharuan yang berorientasi kepada amal sosial-kesejahteraan, yang kemudian melahirkan institusi Penolong Kesengsaraan Oemoem (PKO). Langkah monumental ini dalam wacana Islam kontemporer disebut sebagai "*teologi transformatif*", kerana Islam bukan sekadar menjadi seperangkat ajaran ibadah dan hubungan dengan Allah (*hablu min Allah*) semata, tetapi justeru memperhatikan dan terlibat dalam memecahkan masalah-masalah konkrit yang dihadapi manusia. Inilah teologi amal yang khas daripada Kiyai Ahmad Dahlan sebagai bentuk daripada gagasan dan amal pembaharuan lainnya di negeri ini. Di samping itu, keberanian Kiyai Ahmad Dahlan berdialog dengan sesiapaupun untuk mencari kebenaran yang sesungguhnya, maka beliau bukan sahaja dilihat hanya mengajar dari kitab-kitab yang asing bahkan beliau menggunakan pelbagai pendekatan termasuk berkelah, bersukan, menyanyi dan bermain muzik untuk meluas pandangan anak-anak muridnya. Alat-alat muzik yang digunakan pula tidak terbatas kepada *percussion* (gendang dan seumpamanya) tetapi juga alat-alat muzik moden seperti *accordian*, dan bahkan KH. Ahmad Dahlan sangat cekap dalam bermain biola. Lebih fleksibel lagi KH. Ahmad Dahlan telah mengubah lagu-lagu gereja kepada nasyid dengan memberi nafas Islam. Keadaan ini adakalanya menimbulkan ketegangan sehingga kepada tahap cercaan dan surau tempat beliau mengajar kerap menjadi sasaran lemparan mercun (Usman Yatim dan Almisar Hamid 1993:22). Namun, sikap kontroversi terbesar yang ditimbul oleh KH. Ahmad Dahlan ialah berkaitan perubahan kiblat pada Masjid Agung Keraton, Yogyakarta. Berdasar ilmu matematik/falak yang dipelajarinya di Mekah dari Kiyai Jambek, arah kiblat sepatutnya ke utara sebanyak 24.5 darjah. Sejak daripada awal umat Islam di Pulau Jawa menghadap kiblat lurus ke sebelah barat kerana kedudukan Mekah di sebelah barat Jawa. Menurut KH. Ahmad Dahlan arah kiblat tersebut perlu diperbetulkan kerana ia berkait dengan kesempurnaan ibadah sholat. Untuk mengemukakan pandangan ini, beliau telah mengundang para ulama dalam sebuah pertemuan pada tahun 1898 khususnya untuk membincangkan permasalahan kiblat (Mt. Arifin 1987:87). Meskipun belum ada kesepakatan dalam pertemuan tersebut KH. Ahmad Dahlan di hitung berjaya memaparkan isu kedudukan kiblat untuk pertimbangan ulama di kawasan sekitar Yogyakarta. Tetapi anak-anak muda secara reaksionari telah mengubah kiblat di surau Kidul

dengan melukis garis-garis saf yang baharu mengguna kapur putih. Sewaktu surau di Kidul dibesarkan, saf sholat diubah arahnya sehingga menjadi satu-satunya tempat ibadat di Yogyakarta yang berbeza kiblatnya. Kontroversi ini berlanjutan apabila murid-muridnya membuat pula garis-garis saf baru di Masjid Agung. Hal ini menimbulkan kemarahan Kanjeng penghulu Kholil Kamaludiningrat yang menganggap KH. Ahmad Dahlan telah mengganggu kerukunan beribadah dan menimbulkan keresahan. Oleh itu, KH. Ahmad Dahlan dijatuhkan tiga kesalahan. Pertama Masjid Agung adalah wewenang kanjeng penghulu yang dilantik Sultan. Jadi tindakan mengubah kiblat tanpa keizinan penghulu melanggar birokrasi pentadbiran Kesultanan. Kedua KH. Ahmad Dahlan sendiri sebagai *abdi dalem* juga bertanggungjawab kepada Sultan dan tindakannya itu jelas melanggar kedaulatan kesultanan. Ketiga tindakan mengubah kiblat ini dilihat melanggar tradisi dan adat istiadat. Langkah seterusnya ialah merobohkan surau kidul di bawah pengawasan polis Belanda. Keadaan ini hampir mencetus pergaduhan, tetapi oleh kerana semasa itu bulan puasa, maka KH. Ahmad Dahlan dan anak-anak muridnya menahan diri daripada pergaduhan.

Peristiwa perobohan surau ini benar-benar mengecewakan KH. Ahmad Dahlan sehingga beliau bertekad untuk berhijrah dari Yogyakarta tetapi dihalang oleh iparnya Kiyai H. Saleh. Selepas Kiyai H. Saleh berjanji untuk membantu beliau membangunkan semula surau kidul KH. Ahmad Dahlan bersetuju untuk membatalkan niatnya berpindah. Atas sokongan keluarga, surau kidul dibangun semula dengan mengarah kepada kiblat asal, iaitu ke sebelah barat. Tetapi KH. Ahmad Dahlan tetap menanda garis-garis saf yang sebetulnya dan tindakan ini tidak mengundang apa-apa bantahan daripada masyarakat (Solichin Salam 1962:55). Langkah seterusnya, ialah KH. Ahmad Dahlan telah menghubungi Sayyid Uthman al Habsyi, seorang ahli ilmu geografi yang terkenal di Betawi (Jakarta) untuk menyemak ketepatan arah kiblat yang dikira berdasar ilmu falak. Jadi apa yang dilakukan oleh KH. Ahmad Dahlan tersebut di atas, adalah langkah-langkah pembaharuan yang sangat berani di tengah status quo kekuasaan yang kukuh dan ini membuat penguasa semasa itu merasa terancam dan ketakutan kehilangan jabatannya. Hal itu menimbulkan kemarahan Kanjeng penghulu Kholil Kamaludiningrat dengan menjatuhkan hukuman kepada Kiyai dengan tuduhan tiga kesalahan sebagaimana telah dihurai sebelum ini. Namun, KH.

Ahmad Dahlan tidak peduli dengan tuduhan tersebut dan terus melakukan langkah-langkah pembaharuan guna mencerahkan umat dan bangsanya. Jejak yang dilakukan oleh Kiyai Ahmad Dahlan tersebut, terpatrit dalam hati dan fikiran kader-kader dan pengikutnya yang bergabung dalam Muhammadiyah, seperti Bung Karno (Soekarno, presiden pertama Indonesia), Tan Malaka, Jenderal Sudirman (Panglima petama TNI), Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), M. Amien Rais, dan lain-lain sehingga kehari ini serta akan datang masih terus dikibarkan.

Selanjutnya, KH. Ahmad Dahlan juga memanfaatkan masanya untuk menggunakan kemudahan pencerapan (*observatorium*) bagi membuktikan ketepatan penentuan arah kiblat daripada hasil diskusi beliau dengan Sayyid Uthman al Habsyi. Penggunaan alat-alat analisis pencerapan mengesahkan ketepatan arah kiblat yang dikemukakan oleh KH. Ahmad Dahlan ini membawa implikasi yang sangat besar. Menurut Dr. G.F. Pijper, penasihat hal-ehwal pribumi (1937-1942), bahawa bermula tahun 1920'an, kebanyakan Masjid di Jawa Barat terus dibangun berdasar hasil *observatorium* dan kemungkinan hal ini yang membuat KH. Ahmad Dahlan melakukan diskusi Sayyid Uthman al Habsyi. Kemudian, langkah berani KH. Ahmad Dahlan ialah memperbetulkan penentuan tarikh Hari Raya Aidil Fitri. Sambutan Hari Raya Puasa yang disebut sebagai *Grebeg Pasa* ditentukan menurut sistem takwim Jawa yang dinamakan *Aboge*. *Aboge* adalah singkatan kepada *A* atau tahun *Alif*, tahun satu dalam kiraan Tahun Jawa, *bo* adalah singkatan kepada *rebo* atau rabu dan *ge* singkatan kepada *wage*, dua sistem penamaan hari dalam kiraan taqvim Jawa. Pada setiap tahun *Alif* (dari putaran lapan tahun menurut taqvim Jawa) Hari Raya menurut kepercayaan *kejawen* ditetapkan pada hari *rebo wage* (rabu). KH. Ahmad Dahlan telah menggunakan kedudukannya sebagai *abdi dalem* untuk menghadap Sultan atas persetujuan dan diiringi Kanjeng penghulu. Selepas menjelaskan kaedah penentuan satu syawal berdasarkan kemunculan *hilal* (anak bulan) dan hisab, maka KH. Ahmad Dahlan mempersembahkan kepada Sultan agar Hari Raya Idul Fitri diistihar berdasar kaedah ini. Kaedah Rukyat al-hilal adalah satu-satunya metode untuk mengetahui keberadaan hilal (wujud al-hilal) sebagai pertanda awal bulan di zaman Rasulullah saw. Kerana itu, kriteria hisab yang dipilih pun, adalah kriteria wujud al-hilal (Dadang Syaripudin 2011, 1 Januari 2012). Selepas diberi pemahaman, Sultan berpuas hati dengan penjelasan KH. Ahmad Dahlan dan mulai masa itu 1 syawal sentiasa

disambut menurut syariat Islam meskipun jatuhnya pada tahun *Alif Jawa*. Ini merupakan wujudnya satu kejayaan besar dalam memurnikan ajaran Islam daripada pengaruh *kejawen* yang menjadi pegangan kesultanan Yogyakarta sejak ratusan tahun lalu. Pencapaian ini adalah satu penerobosan yang amat besar memandangkan Sultan mempunyai kekuasaan *absolut* dan mendapat dokongan masyarakat Islam *sinkretis* (*kejawen*) serta kumpulan *kauman* yang tradisional (Mt. Arifin 1987:89 – 90, 110). Sehingga kini, perayaan Hari Raya berdasar kriteria *wujud al-hilal* sentiasa dilakukan oleh organisasi Muhammadiyah dan ormas-ormas yang lain berfaham Islam moden di Indonesia.

Namun, pendekatan Kiyai Ahmad Dahlan bersifat moden adalah wajar menjadi satu model pengoperasian dakwah dalam masyarakat hari ini yang tidak sunyi daripada pelbagai bentuk tafsiran dan amalan yang menyimpang. Ini sama ada dari sisa peninggalan adat-istiadat mahupun penyerapan unsur-unsur jahiliyah *moden* dari timur dan barat (Junus Salam 1968:12; Hafidzi Mohd Noor 2011). Untuk mengurangi penyerapan unsur yang bertentangan dengan fahaman agama Islam, maka perlu adanya gerakan bersama-sama tidak mungkin dengan gerak sendirian. Untuk itu perlu mencari kawan-kawan yang cerdas dan mahu melakukan dakwah Islam yang sesungguhnya berdasar al-Qur'an dan Sunnah. Oleh itu, Kiyai Ahmad Dahlan melakukan gerakan untuk terus mencari kawan-kawan ke daerah-daerah lain di wilayah Indonesia, dan hal itu juga memerlukan pembiayaan. Untuk memenuhi keperluan tersebut, dan termasuk mencukupi sebahagian daripada kos sara hidup keluarga, beliau berniaga batik kerana mengingat gaji Kiyai Ahmad Dahlan sebagai khatib tidak mencukupi untuk memenuhi keperluannya sehari-hari. Ini membawanya ke hampir semua wilayah di Jawa dan luar Jawa, dan memberinya peluang untuk menyampaikan gagasan-gagasannya kepada kaum muslim yang menonjol (sebagai tokoh Ulama) di kawasan masing-masing. Kemudian, guna memperluaskan lagi jaringan gerakan fahaman keagamaan maka pada tahun 1909 KH. Ahmad Dahlan juga bergabung dengan organisasi Jam'iyatul Khair 1905 dengan kad keahlian bernombor 770, ahli utama Sarekat Islam (SI), dan Budi Utomo. Semasa bergabung dengan Budi Utomo, kepedulian utama KH. Ahmad Dahlan adalah untuk memasukkan dimensi keagamaan ke dalam organisasi tersebut yang watak utamanya adalah sekular. Beliau ingin menyebarkan nilai-nilai keagamaan di kalangan ahli organisasi tersebut, yang dikenali sebagai sangat

intelek tetapi komitmen kepada Islam sangat kurang. Hal ini dengan harapan bahawa melalui jalan ini beliau dapat menjadi guru agama di sekolah-sekolah yang didirikan oleh kerajaan, dan juga di pejabat-pejabat kerajaan. Nampaknya usaha KH. Ahmad Dahlan ini berjaya, dengan diangkatnya beliau menjadi guru agama pada sekolah rakyat kerajaan (*Kweekschool*) di Jetis dan sekolah Pamong Praja; *Opleidingschool voor Inlandsch Amtenaren* (OSVIA) di Mangelang (Deliar Noer 1980: 86). Oleh kerana, pembawaannya yang logik atau rasional dan tidak tradisional dalam merumuskan fahaman ajaran-ajaran Islam, nampaknya ia menjadi alasan untuk diterima oleh para ahli Budi Utomo dan beliau tetap menjadi ahli aktif dalam organisasi tersebut bahkan selepas Muhammadiyah lahir 1912.

### KELAHIRAN MUHAMMADIYAH

Kini proses luhur kelahiran Muhammadiyah, gerak kisah bermula selepas KH. Ahmad Dahlan berkunjung ke wilayah-wilayah dan berjumpa dengan ulama-ulama utama di wilayahnya masing-masing, dan diperkuatkan lagi selepas beliau menjadi ahli Budi Utomo sepertimana telah dihurai di atas. Ada manfaat lain yang diperoleh dan dirasai oleh KH. Ahmad Dahlan selepas berkenalan dan menjadi ahli Budi Utomo. Di samping beliau dapat memberi pendidikan agama Islam kepada para pelajar Sekolah Guru (*Kweekschool*) di Jetis, Yogyakarta. Maksud baik itu dicapai selepas disampaikan kepada Ketua *Kweekschool*, R. Boedihardjo, yang juga menjadi ahli pengurus Budi Utomo. Meskipun pelaksanaannya di luar waktu sekolah, pada setiap hari Sabtu petang, dengan metode induktif, ilmiah, *naqliyah*, dan tanya jawab. Ternyata pengajaran agama Islam yang beliau berikan itu dapat menarik perhatian dan memuaskannya hati para pelajarnya. Kerana itu, di antara mereka ada yang mengusulkan kepada beliau agar pembelajaran agama Islam di tambah masanya dan mereka tidak keberatan datang ke rumah beliau sebab dirasai pengajian agama Islam seminggu satu kali masih kurang. Atas usulan itu, telah dipersetujui tambahan pendidikan agama Islam diberi setiap hari Ahad di rumah beliau. Dari sinilah awal ditubuhkannya pengajian bernama *Fathul Asrar Wamiftahus Sa'adah*, kemudian pelajar-pelajarnya terdiri daripada 22 orang pemuda yang berumur kurang lebih 25 tahun. Anak-anak muda ini, dididiknya dengan mula-mula diikuti kemauan dan keinginan mereka, berpiknik, melancong, dan sebagainya, kemudian sedikit demi sedikit mereka

dididik agar menjalankan sholat dan bertaubat. Anak didik pengajian dan pelajar *Kweekschool* berjumlah 12 orang itulah yang kelak menjadi kader dan bersama beliau mengelola Madrasah *Ibtidaiyyah Diniyyah Islamiyyah* selepas ditubuhkan pada tahun 1911. Madrasah tersebut, menduduki ruangan bilik tetamu beliau yang di dalamnya mengandungi meja, kerusi panjang, dan papan tulis. Bulan pertama muridnya berjumlah baru 9 (sembilan) orang anak dan enam bulan kemudian muridnya berjumlah 20 orang anak. Pada bulan ke tujuh beliau mendapat bantuan guru umum dari Budi Utomo. Pelajaran yang diberi di Madrasah tersebut adalah ilmu pengetahuan umum dan pelajaran agama di kelas. Lalu, lama kelamaan konon terdapat di antara pelajar yang memberi maklumat kepada beliau agar baiknya sekolah tersebut tidak di kelola dan diuruskan oleh beliau sendiri, kerana ia terkesan sekolah tersebut seperti milik beliau sendiri. Apabila beliau meninggal dan ahli waris tidak mampu meneruskannya, maka terhentilah sekolah itu. Oleh itu, hendaknya sekolah tersebut di uruskan oleh sebuah organisasi supaya ia berlangsung lama, dan organisasi tersebut sebagai wadah untuk mengguna-laksanakan cita-cita beliau (Solichin Salam 1963:36-37) dalam meluruskan pemahaman ajaran Islam yang berkemajuan moden.

Usulan pelajar tersebut tidak langsung dijawab oleh KH Ahmad Dahlan secara terburu-buru. Sebab proses melahirkan gagasan terbaik haruslah didasari dengan hati ikhlas dan suci kerana Allah s.w.t. semata. Sama dengan proses kelahiran Organisasi, yang kemudian dikenali dengan nama Muhammadiyah. Untuk itu hal yang mula-mula dilakukan oleh Kiyai Ahmad Dahlan adalah melakukan sholat Istikharah secara berulang-ulang untuk menentukan nama perkumpulan yang akan diasaskannya tersebut. Kemudian, hasil daripada sholat tersebut, beliau memberi nama "Muhammadiyah" atau sekarang dikenal dengan Muhammadiyah selepas disesuaikan dengan ejaan yang disepurnakan (EYD) yang ertinya adalah umat Muhammad atau pengikut Muhammad. Oleh sebab Muhammad itu adalah utusan Tuhan yang penghabisan, maka beliau berharap agar Muhammadiyah pun menjadi perkumpulan yang penghabisan pula (Solichin Salam 1963:39). Apa yang dinyatakan oleh Kiyai Ahmad Dahlan tersebut, tentang Nabi Penghabisan tidak sekadar ucapan tanpa asas, namun sesuai sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang ertinya bermaksud:

Aku mempunyai beberapa nama: (1) *Aku bernama Muhammad.* (2) *Aku bernama Ahmad.*



(3) *Aku bernama al-Mahi (penghapus), yang ertinya Allah menghapus kekufuran denganku.*  
 (4) *Aku bernama al-Hasyir (pengumpul), yang ertinya Allah mengumpulkan manusia mengikuti langkahku.* (5) *Aku bernama al-'Aqib (penutup), yang ertinya tidak ada seorang Nabi pun sesudahku* (Shahih Muslim, kitab *al-fadla'il bab fi asma'ih* saw no. 6251-6253; Shahih al-Bukhari kitab *al-manaqib* bab *ma ja'a fi asma'i Rasulallah* saw no. 2532).

Kiyai Ahmad Dahlan berharap semoga dengan berdasar erti nama Muhammadiyah adalah pengikut Nabi Muhammad s.a.w. itu diharapkan bahawa kepada setiap umat Islam dan ahli Muhammadiyah dalam kehidupan beragama serta bermasyarakat dapat menyesuaikan diri dengan peribadi Nabi Muhammad s.a.w sebagai pengikutnya. Ini boleh menjadi jalan untuk mencapai suatu pembaharuan dalam cara berfikir dan beramal menurut tuntutan agama Islam sesungguhnya. Beliau ingin mengajak ummat Islam Indonesia untuk kembali hidup menurut tuntutan al-Quran dan al-Hadis. Oleh itu, pada 18hb Disember 1912 bertepatan dengan 8 Zulhijah 1330 Hijrah barulah ditubuhkan Muhammadiyah secara rasmi. Jadi gagasan pengasasan organisasi Muhammadiyah baru hadir kemudian selepas diasaskan institusi pendidikan atau sekolahnya. Ini petanda bahawa pendidikan yang mencerdas akal fikiran terlebih dahulu dan utamanya dilahirkan daripada institusi organisasinya sebagai wadah gerakan untuk memperjuangkan gagasan cemerlang.

Gagasan cemerlang daripada pendirian Muhammadiyah oleh Ahmad Dahlan ini juga tidak lepas dari pertahanan, sama ada dari keluarga mahupun dari masyarakat sekitarnya. Pelbagai fitnah, tuduhan, dan hasutan datang bertubi-tubi kepadanya. Beliau dituduh hendak mendirikan agama baru yang menyalahi agama Islam. Ada yang menuduhnya kiyai palsu, kiyai kafir, kiyai rosak dan Kristian alus atau secara halus (Solichin Salam 1963:77) kerana meniru-niru bangsa penjajah Belanda yang Kristian dan pelbagai tuduhan lain. Bahkan ada pula orang yang hendak membunuhnya. Namun, rintangan-rintangan tersebut dihadapinya dengan sabar. Keteguhan hatinya untuk melanjutkan cita-cita dan perjuangan pembaharuan Islam di tanah airnya dengan penuh kepastian sehingga mampu mengatasi semua rintangan tersebut. Tuduh menuduh terhadap seseorang pembawa kebenaran bukanlah perkara baru, ini pernah berlaku kepada Rasulullah s.a.w, ketika beliau dituduh dengan tuduhan berdusta, tukang sihir, pengacau (pengganas), pemecah belah persatuan dan tuduhan-tuduhan dusta yang lain.

Disebabkan mereka tidak berjaya dalam menjalankan makarnya terhadap Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, mereka pun menampakkan kekerasan dan keganasan. Ketika Rasulullah s.a.w. sudah hijrah di Madinah, dan kaum muslimin sudah mempunyai kekuatan, maka Rasulullah mengumumkan perlawanan (jihad) terhadap orang-orang musyrik. Perlawanan tersebut berhenti apabila kaum musyrikin merealisasi akibat dari tauhid, iaitu benar-benar memurnikan agama (ibadah) hanya kepada Allah Ta'ala. Maka Allah Taala berfirman dalam surah QS. Al-Anfal ayat 39:

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ  
 فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ.

*“Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari kesyirikan), maka sesungguhnya Allah Maha melihat apa yang mereka kerjakan”* (QS. Al-Anfal: 39). Dan Rasulullah s.a.w berkata yang ertinya bermaksud: *Aku diperintah untuk memerangi manusia sampai mereka bersaksi “Bahawa tidak ada Ilah (sesembahan) yang berhak disembah melainkan Allah, mereka beriman kepadaku dan apa-apa yang aku datang dengannya, jika mereka melaksanakan yang demikian itu maka mereka mendapatkan jaminan (kemanaan) dariku pada darah-darah dan harta-harta mereka kecuali pada haknya, dan perhitungannya atas Allah”*. (Dari Abu Hurairah, di dalam “*Shahih Al-Bukhari*” no, 25 dari Abdullah bin Umar, dan “*Shahih Muslim*” no. 135).

Keyakinan yang teguh Kiyai Ahmad Dahlan akan tidak ada *Ilah* yang berhak disembah melainkan Allah s.w.t. semata, maka dalam menembus aliran yang berbuhul-buhul dari pelbagai penjur, bukan sahaja datang dari luaran Islam tetapi juga dari dalam kalangan umat Islam sendiri dapat dilaluinya, dengan semangat semakin melaju tanpa halangan yang bererti. Ada aksi ada reaksi, hal itu tidak menjadi halangan namun justeru semakin menampakkan semangat untuk memahami kandungan mesej-mesej agama, sama ada melalui hadis-hadis mahupun ayat al-Quran sebagaimana asas utama dalam gerakan organisasi yang diasasnya tersebut. Dasar pemahaman Kiyai Ahmad Dahlan sebagaimana diperintah oleh Allah swt dalam firmanya bermaksud, yang ertinya;

*Haruslah engkau mengadakan segolongan dari kamu, yang mengajak kepada kebajikan,*

yang memerintahkan kepada perbuatan baik dan mencegah perbuatan yang jahat. Orang yang demikian itulah yang berbahagia (QS Ali ‘Imran 3:104). “Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambak-Ku” (QS Al-Fajr: 27-30). Golongan hamba-hamba yang menyakini akan kewajiban sebagai hamba Allah s.w.t yang sesungguhnya, dan sesuai FirmanNya: “Dialah yang menjadikan kamu orang-orang yang berkuasa di muka bumi” (QS al-Fatir: 39) dan “Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya” (QS Hud: 61).

Menurut tafsir Ibn Kathir (1999:1192), mengenai kandungan mesej ayat-ayat di atas tersebut, adalah berkait rapat dengan firman Allah s.w.t., “Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai-Nya” (QS. Al-Fajr 27-30). Ibn Abi Hatim meriwayatkan bahawa Ibnu Abbas berkata, “Ayat ini turun ketika Abu Bakar sedang duduk, kemudian ia bertanya, ‘Wahai Rasulullah, apa maksudnya itu?’ Rasulullah saw menjawab, “ayat ini akan dikatakan kepadamu.” Dalam Tafsir disebutkan bahawa maksud daripada firman Allah s.w.t., “Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hamba-Ku” adalah ke dalam kumpulan mereka. Firman Allah swt, “dan masuklah ke dalam syurga-Ku” dikatakan kepada jiwa ketika dihadiri pada hari Kiamat, sebagaimana para malaikat juga akan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman ketika mereka dibangkitkan dari kubur (Ibn Katsir 1999: 1192). Jadi hal berkaitan dengan ayat-ayat tersebut, mesej utamanya adalah “memberi kabar gembira kepada orang-orang yang beriman” dan sangat berkait rapat dengan kandungan pesan-pesan indah tentang pentingnya untuk bersiraturahim, sebagaimana ayat yang ertinya berikut:

“Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa bangsa dan bersuku - suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal” ( QS. Al – Hujurat, 49: 13).

Manusia diciptakan bersuku-suku dan berbangsa-bangsa untuk saling kenal-mengenal (QS. 49:13). Kenyataannya bahawa manusia bersuku-suku dan berbangsa-bangsa mengisyaratkan adanya bahasa yang boleh digunakan untuk saling mengenal dengan penuh kasih-sayang antara sesama manusia.

Sekiranya terdapat individu-individu (terutama sesama orang yang beriman) yang berbeza pandangan atau bermusuhan, perlu ada usaha mengislahkan mereka. Bahasa dan kasih sayang menghubungkan hati manusia agar saling menyayangi, berkaitan, dan memaafkan guna menjalin kehidupan bersama di bumi. Menurut pemahaman dan dinyakini KH. Ahmad Dahlan dan Muhammadiyah, menjalin kehidupan bersama adalah menjadi tugas manusia di bumi untuk mewujudkan kemakmuran dan kebahagiaan hidup seluruh manusia tanpa mengira warna kulit, bahasa, dan agama yang dianutnya. Sehingga tidak akan terjadi diskriminasi sepertimana yang pernah berlaku di Amerika, membuat Martin Luther King (1963) dalam pidatonya yang terkenal menyatakan; Saya mempunyai impian bahawa empat anak-anak kecil saya satu hari tinggal di sebuah negara di mana mereka tidak akan dinilai oleh warna kulit mereka tetapi oleh kandungan jiwa karakternya” (Maman A. Majid Binfas 2011:4). Karakter dalam kandungan pendidikan yang baik dan benar, adalah tidak wujudnya diskriminasi guna mencapai hal tersebut, maka sumber pendidikan Islam seharusnya bersumber pada asas al-Qur’an dan Sunnah. Sumber utama pendidikan Islam terbahagi kepada dua: (1) Sumber asas iaitu al-Qur’an dan al-Sunnah; (2) Sumber kedua, iaitu perjalanan para khulafa’ al-Rasyidin, tabi’ en, dan sesiapa yang mengikuti jejak langkah mereka yang terdiri daripada para *muntajdid* Islam sehingga ke hari ini (Al Khayat 1991:26-27). Menyakin diri bahawa sabda Nabi kita yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah akan mengutus bagi umat ini di penghujung setiap seratus tahun (seabad) seseorang yang mentajdid (memperbaharui) agama umat ini.” (Hadits ini diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Dawud As-Sijistanit dalam Sunan-nya no. 4291, Dikeluarkan pula oleh Al-Imam Abu ‘Amr Ad-Dani dalam As-Sunan Al-Waridah fil Fitn no. 364, Al-Imam Al-Hakim dalam Mustadrak-nya, 4/522, dan dalam Shahih Abi Dawud, Ash-Shahihah no. 599, dan Shahih Al-Jami’ Ash-Shaghir no. 1874).

Boleh jadi KH. Ahmad Dahlan dan Muhammadiyah yang diasaskannya sebagai gerakan pembaharu agama tersirat masuk pada bahagian kandungan hadis tersebut. Maka Gagasan pembaharuan dilakukan KH. Ahmad Dahlan melalui Muhammadiyah yang sejak awal telah menetapkan bahawa Muhammadiyah bukan organisasi politik akan tetapi bersifat sosial keagamaan dan bergerak

di bidang keagamaan, kemasyarakatan, dan kebangsaan; yang termasuk dalam salah satu bahagian unturnya adalah bergerak di bidang pendidikan. Bidang pendidikan menekankan pada pendidikan moral agama, yang seharusnya pendidikan moral yang baik sesuai dengan pengetahuan yang baik dan benar. Pengetahuan yang benar menurut KH. Ahmad Dahlan ialah pengetahuan berguna atau lebih pragmatik, boleh dilaksanakan dan sesuai fakta serta keadaan zaman. Sementara kegunaan pengetahuan adalah jika mampu memperbaiki tindakan manusia yang buruk dan yang salah. Kemampuan memilih yang salah dan benar, baik dan buruk, dan kemampuan memecahkan masalah harus didasari fakta yang benar dengan belas-kasih sebagai dasar pencapaian keutamaan (Abdul Munir Mulkhan 2012:1). Walaupun dinyatakan organisasi pergerakan ini bukan bersifat politik akan tetapi, sebenarnya kalau diperhatikan secara tajam gerakan dilakukan KH. Ahmad Dahlan sebenarnya gerakan politik halus untuk melawan penjajahan Belanda. Siyasah “Kuda troya” untuk menggolkan agenda-agenda besarnya yang tersembunyi demi kepentingan yang positif dan bukan sebaliknya. Ataupun untuk mencapai matlamatnya mereka melakukan strategi “Kudeta Merangkak” dengan dua jalan, satu masuk ke jalur politik rasmi, seolah olah mengikuti prosedur kenegaraan demokratik, melalui badan perwakilan rakyat dan eksekutif. Hal ini boleh jadi masuk pada jalur organisasi yang diasaskannya. Namun, Kiyai Ahmad Dahlan di dalam politik menanam benih untuk menghasilkan kemakmuran dan kemerdekaan Indonesia yang sesungguhnya. Hal itu, juga membuat penjajah Belanda berhati-hati dan ketakutan dalam menghadapi gerakan yang dilakukan kiyai Ahmad Dahlan. Oleh itu, apabila ada yang menyatakan bahawa ‘awal organisasi ini diasaskan bukan bersifat politik’ itu sebenarnya pernyataan itu agak kurang bijaksana. Berdasar, “ada anjuran Kiyai Ahmad Dahlan kepada murid-muridnya untuk memasuki perkumpulan-perkumpulan parti-parti dengan mengikut kemampuan dan bakat masing-masing, sehingga dapat memberi serta menerima manfaat langsung atau tidak langsung bagi kepentingan Islam” (Junus Salam 1968: 11).

Rangkaian semangat dan hasil perenungan yang mendalam tersebut, sehingga KH. Ahmad Dahlan makin maju guna membuktikan secara nyata gagasan yang telah dicita-citakannya. Sehingga pada 20hb Disember 1912, Ahmad Dahlan mengemukakan permohonan pertama kepada Kerajaan Penjajah Hindia Belanda untuk mendapat badan undang-undang. Permohonan itu baru

dikabulkan pada tahun 1914, dengan Surat Ketetapan Kerajaan No. 81 tarikh 22hb Ogos 1914. Kemungkinan terlambatnya diterbitkan ini diakibat penjajah Belanda merasa ketakutan sehingga berhati-hati untuk memberi izin. Bahkan izin pun itu hanya terbatas pada kawasan tertentu, iaitu hanya boleh bergerak di kawasan Yogyakarta sahaja. Dari Kerajaan penjajah Hindia Belanda timbul kebingungan akan perkembangan organisasi ini. Itulah sebabnya aktiviti terhad. Walaupun Muhammadiyah terhad, tetapi wujud di wilayah lain seperti Srandakan, Wonosari, Imogiri dan lain-lain. Hal ini jelas bertentangan dengan keinginan kerajaan penjajah Hindia Belanda. Untuk mengatasinya, maka KH. Ahmad Dahlan mensiasatinya dengan menganjur agar cabang Muhammadiyah di luar Yogyakarta memakai nama lain. Misalnya Nurul Islam di Pekan, Bandar Seri Begawan dengan nama Al-Munir, Garut Jawa Barat dengan nama Ahmadiyah. Sedangkan di Solo berdiri perkumpulan Sidiq, Amanah, Tabligh, dan Fathonah yang mendapat restu dari pimpinan cabang Muhammadiyah. Bahkan dalam kota Yogyakarta sendiri beliau menganjur adanya jamaah dan perkumpulan untuk mengadakan pengajian dan menjalankan kepentingan umat Islam, ini juga termasuk strategi politik dilakukan oleh kiyai Ahmad Dahlan terhadap Penjajah Belanda.

Dalam perkumpulan pengajian Kiyai Ahmad Dahlan selalu menekan pada hal-hal falsafah sebagaimana yang diceritakan oleh murid beliau KHR. Hadjid, iaitu sebagai berikut;

Pelajaran pertama: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang manusia itu semuanya mati. Pelajaran kedua: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang manusia yang mementingkan diri-sendiri (individual). Pelajaran ketiga: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang akal fikiran, perasaan, kehendak, dan perbuatan. Pelajaran keempat: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang golongan manusia dalam satu kebenaran. Pelajaran kelima: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang penyucian diri. Pelajaran keenam: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang ikhlas dalam memimpin. Pelajaran ketujuh: Mempelajari tentang perkataan ulama tentang ilmu pengetahuan dibahagi atas pengetahuan atau teori (belajar ilmu), dan mengerjakan, mempraktikkan belajar amal (Hadjid 2005: 9-10).

Bahan ajaran tersebut menjadi amal nyata sebagai falsafah gerak ilmu, namun gagasan-gagasan pembaharuan Muhammadiyah selanjutnya makin maju dan melaju sesuai dengan perkembangan

ilmu pengetahuan, dan zamannya. Gagasan pembaharuan tersebut disebarluaskan oleh KH. Ahmad Dahlan dengan mengadakan tabligh ke pelbagai bandar, dan di samping itu juga melalui hubungan-hubungan perdagangan yang dimilikinya. Gagasan ini, ternyata mendapat sambutan yang besar daripada masyarakat di pelbagai bandar Indonesia. Para ulama dari pelbagai daerah-daerah lain datang kepadanya untuk menyatakan sokongan terhadap Muhammadiyah, dan mengasaskan organisasinya di tempat masing-masing. Muhammadiyah makin lama semakin berkembang hampir di seluruh Indonesia. Oleh itu, pada 7hb Mei 1921 Kiyai Ahmad Dahlan mengajukan permohonan yang kedua, kepada kerajaan penjajah Hindia Belanda untuk mengasaskan lagi cabang-cabang Muhammadiyah di seluruh Indonesia. Permohonan ini dikabulkan oleh kerajaan penjajah Hindia Belanda pada 2hb September 1921. Pengabulan oleh pemerintah penjajah Belanda mengenai permohonan Kiyai Ahmad Dahlan tersebut, semakin meningkatkan semangat beliau dan rakan-rakannya di semua lapisan yang sefahaman dengan gerakan diasaskan tersebut. Walaupun, seandainya kehadiran maut lalu Tuhan berkenan akan memberitahu kepada Kiyai bahawa umurnya tinggal lebih kurang daripada dua tahun lagi beliau meninggal pada 23 Februari 1923 M/ 7 Radjab 1340 Hijrah dalam usia 55 tahun. Kemungkinan Kiyai pun akan ikhlas dengan jawapan tulus, tunduk dan patuh tanpa membantahnya. Walaupun demikian, cita-cita juangnya tetap dilanjut, tidak akan surut dalam gerak ketulusannya guna melanjutkan gerakan yang telah diasaskannya. Semangat ketulus ikhlasan ini sudah menjadi asas denyutan nadi dalam pengabdian kepada agama Tuhannya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai ikutan umat Islam. Pengabdian tersebut, berdasarkan keyakinan dalam pemahaman akan perintah Allah swt melalui al-Quran, surat Ali Imran 3:104, dari sini terpanggil untuk merubah keadaan dengan melakukan gerakan pembaharuan. Gerakan pembaharuan dilakukan oleh Kiyai Ahmad Dahlan melalui Muhammadiyah menurut Djarnawi Hadikusuma telah menampilkan Islam sebagai “sistem kehidupan manusia dalam segala seginya,” ertinya Muhammadiyah bukan hanya memandangkan ajaran Islam sebagai aqidah dan ibadah semata, tetapi merupakan suatu keseluruhan yang berkaitan dengan akhlak dan mu’amalat duniawiyah. Selain itu, aspek aqidah dan ibadah pun harus teraktualisasi dalam akhlak, dan mu’amalah, sehingga Islam benar-benar wujud dalam realiti hidup para penganutnya.

Kerana itu, Muhammadiyah memulakan gerakannya dengan tulus, meluruskan dan memperluaskan faham Islam untuk diamal dalam sistem kehidupan yang nyata (Djarnawi Hadikusuma (tt.): 69). Dikatakan perkara tersebut, maka tidak hairan dalam masa yang singkat, iaitu lebih kurang sepuluh tahun, sejak diasaskannya organisasi Muhammadiyah (1912-1922), perkembangannya boleh dikatakan sangat melaju dengan menghasilkan beberapa buah karya amal nyatanya, iaitu, *pertama*, menerbit majalah, iaitu Suara Muhammadiyah (SM) tahun 1914, Mengasas pengajian Malam Jumaat (1917) sebagai forum dialog dan tukar fikiran warga Muhammadiyah serta masyarakat yang bersimpati, yang kemudiannya melahirkan Kor Mubaligh keliling, Kepanduan Hizwul Wathan (HW) Tahun 1918, Tahun sekolah Al Qism Al Arqam (1918), Panti Asuhan Yatim Piatu Muhammadiyah (1920), dan pada tahun 1921 disaskan badan yang membantu kemudahan pelaksanaan ibadah Haji bagi orang Indonesia, yakni Penolong Haji. Selain itu, mengasaskan pula surau yang pertama di Indonesia untuk kaum wanita untuk menyokong aktiviti mereka. Guna untuk melaku hal-hal tersebut di atas, sering kali Kiyai Ahmad Dahlan menyumbang harta benda dan bahkan beliau melelong perabot rumah tangganya, untuk mencukupi keperluan kos bagi gerakan Muhammadiyah. *Kedua*, pada tahun 1921 sudah mempunyai lima buah cawangan Muhammadiyah iaitu: Srandakan (Yogyakarta), Imogiri (Yogyakarta), Blora (Jawa Tengah), Alor Setar (Jawa Tengah), Kepanjen, Malang (Jawa Timur). *Ketiga*, Tahun 1922 diasaskannya organisasi perempuan muda, iaitu Nasyiatul Asiyiyah (NA) dan di tahun yang sama menyusul cabang Muhammadiyah di Solo, Purwokerta, Pekalongan, Jakarta, Garut (Jawa Barat), dan Sungai Liat (Bangka). *Keempat*, Muhammadiyah pun mendirikan perpustakaan untuk para ahli dan umat Islam pada umumnya tahun 1922, bersamaan dengan itu pula Muhammadiyah telah mempunyai institusi pendidikan berupa sekolah sembilan buah. Adapun ke sembilan sekolah tersebut, iaitu; Sekolah Al Qismul Al Arqam, yang dua tahun kemudian menjadi Pondok Muhammadiyah di Kauman, Opleiding School di Magelang, Kweeck School (Magelang), Kweeck School (Purworejo), Normal School (Blitar), NBS (Bandung), Algemeene Middelbare School (Surabaya), Hoogers Kweeck School (Purworejo) dari sekolah tersebut telah memiliki 73 orang guru dan 1019 siswa (Solichin Salam 1963: 47).

## INSTITUSI PENDIDIKAN MUHAMMADIYAH

Muhammadiyah sekarang ini, dilihat dari segi organisasi dan amal usahanya merupakan Organisasi Islam terbesar di dunia. Cendekiawan Muslim Prof. Dr. Nurcholis Madjid (1997) mengatakan bahawa: “Teknologi itu Pertubuhan Islam moden terbesar di dunia, lebih besar daripada yang mana-mana di negeri Islam lain. Muhammadiyah juga sebuah organisasi Islam yang relatif paling berjaya jika dilihat dari ciri kelebihannya yang relatif moden, dengan produk-produk sosial keagamaannya yang sangat mengesankan, lebih dari organisasi mana pun dan di mana pun. Kerana itu, boleh dikatakan bahawa dalam kalangan Islam, tidak sahaja nasional, tetapi juga antarabangsa, Muhammadiyah adalah sebuah cerita kejayaan” (Nurcholish Madjid 1997:107).

Kejayaan Muhammadiyah dalam bidang pendidikan mengikut laporannya pada Mukhtar ke-46 tahun 2010 di Yogyakarta, yang menunjukkan jumlah institusi pendidikan yang diuruskan Muhammadiyah sebanyak 16,942 buah, dengan butiran sebagai berikut: Taman Kanak-Kanak (TK) sebanyak 4,623 buah, Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD) sebanyak 6,723 buah, Sekolah Luar Biasa sebanyak 15 buah, Sekolah Dasar sebanyak 1,137 buah, Madrasah Ibtidaiyah sebanyak 1,079 buah, Madrasah Diniyah sebanyak 347 buah, Sekolah Menengah Pertama sebanyak 1,178 buah, Madrasah Tsanawiyah sebanyak 507 buah, Madrasah Aliyah sebanyak 158 buah, Sekolah menengah Atas sebanyak 589 buah, Sekolah Menengah Kejuruan sebanyak 396 buah, Muallimin/ Muallimat sebanyak 7 buah, Pondok Pesantren sebanyak 101 buah, Sekolah Menengah Farmasi sebanyak 3 buah. Di bidang pendidikan tinggi, sampai saat ini Muhammadiyah memiliki 172 buah (A. Rosyad Sholeh 2011:27). Jumlah ini, boleh dikatakan sebagai kejayaan yang paling bermakna namun tidak bererti bahawa itu semua terlepas daripada rintangan dan cabaran yang berat, sama ada dalam tubuh organisasi mahupun di luarnya.

Jejak sejarah telah mengukir pelbagai macam cabaran dan rintangan, memang wujud selari dengan kewujudan suatu usaha dan tidak dinafikan lagi suatu usaha mesti ada aksi dan reaksi. Usaha apapun sudah menjadi sunatullah demikian adanya, sebagai contoh; di masa bermulanya Muhammadiyah akan mendirikan Perguruan Tinggi atau Universiti Muhammadiyah, pada tahun 1936 dalam kongres seperempat abad Muhammadiyah di Jakarta, telah

diputuskan akan mendirikan Universiti Muhammadiyah, tetapi kemudian mendapat rintangan kerana pecahnya perang dunia ke II. Barulah pada 3 Rabi’ul Akhir 1375 H/ 18 November 1955, Muhammadiyah dapat mendirikan Perguruan Tinggi (PT) di Padang Panjang, Sumatera Barat, dengan dua Fakulti Undang-Undang dan Falsafah atau kemudian menjadi Sekolah Tinggi Usuluddin. Sekolah Tinggi inilah cikal bakal yang menjadi Universiti Muhammadiyah Sumatera Barat sehingga kini. Proses ditubuhkannya dua Fakulti Undang-Undang dan Falsafah di Padang Panjang Sumatera Barat tersebut, berproses yang kemudiannya dipindahkan ke Jakarta pada tahun 1957. Inilah yang menjadi cikal bakal daripada Universitas Muhammadiyah Jakarta (UMJ) sehingga kini. Jadi Fakulti Hukum dan Falsafah, yang kemudian diberi nama baru dengan Perguruan Tinggi Pendidikan Guru (PTPG) Muhammadiyah. Perkembangan selanjutnya, pada tahun 1958, PTPG Muhammadiyah diubah menjadi Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP) dalam ruang lingkup UMJ. Sesuai dengan perkembangan zaman, maka pada tanggal 21hb September 1961 dibukalah Fakulti Kesejahteraan Sosial (FKS) dan UMJ kemudiannya semakin dikembangkan sehingga semasa ini (Mahmud Yunus 1996: 278-279). Selanjutnya Perguruan Tinggi Muhammadiyah yang menjadi amal usahanya dalam pendidikan, sama ada yang berupa Universiti mahupun Sekolah Tinggi yang semakin hari semakin berkembang mengikuti tuntutan peradaban zaman.

Perkembangan Muhammadiyah terutama di bidang institusi pendidikan yang semakin melaju tersebut di atas, tidak terlepas daripada ketertarikan ramai orang terhadap cara atau kaedah Kiyai Ahmad Dahlan, yang telah meletak dasar keikhlasan paling utama didalam mengajarkan pemahaman agama Islam yang sesungguhnya. Pemahaman agama Islam yang mendalam harus diiringi dengan kesucian fikiran dan hati yang tulus ikhlas, dan ini bukan bererti melepas fikiran kreatif kritikal dalam membaca tanda kemajuan yang menyejukkan batin. Menurut Kiyai Ahmad Dahlan, orang Islam itu harus mencari kebenaran yang sejati, berfikir mana yang benar dan yang salah, tidak taklid dan fanatik buta dalam kebenaran sendiri, menimbang-nimbang dan menggunakan akal fikirannya, tentang hakikat kehidupan, dan mahu berfikir teoritik dan sekaligus berfikir amalan (Hadjid 2005: 9-10). Menggunakan fikiran dalam amalan baik dilakukan oleh ahli persyariaan mahupun pimpinan Muhammadiyah adalah menjalankan nalar fikiran

cerdas yang menyejukkan semuanya, dan demi kebaikan bersama dalam kehidupan sebagai manusia yang mengabdikan pada Tuhannya. Bahkan tidak menghairankan ramai orang berpandangan positif ataupun negatif tentang Muhammadiyah, termasuk salah satu di dalamnya, iaitu James Peacock (1986), seorang ahli antropologi dari Amerika Syarikat yang merintis kajian mengenai Muhammadiyah tahun 1970-an, menilai bahawa: “dalam setengah abad sejak berkembangnya pembaharuan di Asia Tenggara, pergerakan itu tumbuh dengan cara yang berbeza dipelbagai kawasan. Hanya di Indonesia sahaja, gerakan pembaharuan Muslimin itu menjadi kekuatan yang besar dan teratur. Pada permulaan abad ke-20 terdapat beberapa pergerakan kecil-kecil, pembaharuan di Indonesia bergabung menjadi beberapa gerakan kedaerahan, dan sebuah pergerakan nasional yang tangguh, adalah Muhammadiyah. Dengan beratus-ratus cawangan di seluruh kepulauan dan berjuta-juta ahli yang tersebar di seluruh negeri, Muhammadiyah memang merupakan pergerakan Islam yang terkuat yang pernah ada di Asia Tenggara. Sebagai pergerakan yang memajukan ajaran Islam yang murni, Muhammadiyah juga telah memberi sumbangan yang besar di bidang kemasyarakatan dan pendidikan. Klinik-klinik rawatan kesihatan, rumah-rumah piatu, panti asuhan, di samping beberapa ribu sekolah menjadikan Muhammadiyah sebagai institusi non-Kristian dalam bidang kemasyarakatan, pendidikan, dan keagamaan swasta yang utama di Indonesia. ‘Aisyiah, organisasi wanitanya, mungkin merupakan pergerakan wanita Islam yang terbesar di dunia. Pendek kata Muhammadiyah adalah suatu organisasi yang utama dan terkuat di negara kelima terbesar di dunia” (Peacock 1986:26). Jadi, apa yang dikatakan para pakar ilmunan mengenai kejayaan organisasi dan amal usaha Muhammadiyah sebagaimana telah diuraikan di atas, adalah fakta hasil usaha gerakan Muhammadiyah dan pengasasnya yang berasaskan pada hakikat ketulus ikhalasan menjadi landasan utama dalam gerakannya. Termasuk di dalam mengendalikan pendidikan yang berpaksi tulus pada hakikat ajaran tauhid Islam tulen yang sesungguhnya, iaitu berdasarkan tuntunan bertauladan pengajaran yang telah dicontohi oleh Rasulullah s.a.w. tanpa menampal dengan fahaman tidak logik yang dibuat-buat oleh ulama-ulama tertentu demi kepentingan kekuasaannya.

## KESIMPULAN

Muhammadiyah yang diasaskan oleh Kiyai Ahmad Dahlan tahun 1912 membawa kesan sangat inspirasi, dari hasil renungan yang memadukan fikiran dengan hati bening penuh ketulusan guna menjalankan cita-citanya di dalam mencerahkan umat melalui institusi pendidikan. Tidak dinafikan bahawa warnah dari gerak organisasi selanjutnya bergantung sungguh daripada getaran niat dari sang pengasasnya, termasuk menjadi corak mempengaruhi sifat dan krakter dilakukannya. Filsafat pokok misalnya, pokok mangga akan berbuah mangga juga menjadi ciri dan sifatnya, tidak berbeza daripada ciri dan sifat serta rasa dari mangga asalnya. Hal tersebut, boleh dikait rapat sepertimana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang ertinya; “Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (kesucian) maka kedua orang tuanyalah yang menjadikan dia Yahudi atau Nasrani atau Majusi.” (HR. Al-Bukhari no. 1279, Muslim no. 2658). Betapa pentingnya peranan orang tua dalam mengubah kesucian fitrah seorang anak yang telah diamanahi oleh Allah s.w.t. kepadanya. Hakikat pengaruh dan mempengaruhi bukan saja berlaku pada hal tersebut, akan tetapi berpengaruh juga pada institusi-institusi yang diasaskan oleh manusia di dunia ini. Sebagaimana organisasi Muhammadiyah dipengaruhi oleh niat dan fikiran pengasasnya iaitu kiyai Ahmad Dahlan. Langkah-langkah dilakukan oleh kiyai Ahmad Dahlan dalam pembaharuan secara kritikal akan terus dilanjutkan oleh generasi penerusnya. Kemudian, akan terpatery terus dalam hati dan fikiran oleh kader-kader dan pengikutnya yang bergabung dalam Muhammadiyah, seperti Bung Karno (Soekarno, presiden pertama Indonesia), Tan Malaka, Jeneral Sudirman (Panglima petama TNI), HAMKA, M. Amien Rais, dan lain-lain, sehingga hari ini serta akan datang masih terus dikibarkan.

Berlakunya, hal tersebut secara automatik berguna dalam mencerahkan umat dan bangsanya serta besesuaian dengan cita-cita awalnya untuk meresafel pemahaman agama dengan menggunakan akal fikiran cerdasnya. Oleh itu, KH. Ahmad Dahlan melalui dunia pendidikan dan organisasi Muhammadiyah telah melakukan pembaharuan fahaman ajaran guna membebaskan rakyat dari pembodohan sama ada yang dilakukan oleh penjajah Belanda mahupun oleh penghulu agama pribumi. Kemudian, membebaskan umat Islam yang mengalami pelbagai kemunduran yang disebabkan oleh kebekuan dalam berfikir seperti tahyul, bidaah, dan

khurafat maka Kiyai Ahmad Dahlan mesti melakukan pembaharuan dengan mencerdaskan melalui pengasasan lembaga pendidikan sebagai jawapannya. Gagasan cerdas diwujudkan oleh Kiyai Ahmad Dahlan melalui institusi pendidikan tersebut, adalah karya nyata, di samping sebagai wadah untuk memurnikan ajaran Islam daripada amalan serta pengaruh dari fahaman luaran ajaran Islam. Di samping, mereformasi ajaran dan pendidikan Islam dengan memadukan pandangan alam fikiran bersifat moden, termasuk dalam pemahaman ayat-ayat al-Qur'an mesti dimengerti, dihayati, dan diaktualisasi dengan perbuatan nyata.

Oleh itu, KH. Ahmad Dahlan setelah mengajarkan dan memahamkan makna daripada surat Al-Maun kepada pelajar-pelajarnya, kemudian dibuktikan dengan langkah monumental sebagai "teologi transformatif". Teologi Islam tidak sekadar menjadi satu set ajaran upacara-ibadah dan hubungan dengan Allah semata, tetapi justeru memberi perhatian dan terlibat dalam memecahkan masalah-masalah konkrit yang dihadapi manusia sebagai amal nyata, dan harus berusaha membebaskan kebodohan umat Islam dengan cara-cara yang bijak dan anggun, melalui institusi pendidikan agar tidak menjadi mangsa misi kerajaan penjajah Belanda yang berzending Kristian. Usaha amal nyata dalam bidang pendidikan yang dijalankan oleh KH. Ahmad Dahlan iaitu bermula dengan mendirikan Madrasah Ibtidaiyyah Diniyyah Islamiyyah, sekitar tahun 1911. Madrasah tersebut bermula menduduki ruang tetamu beliau, selepas dibentangkan menjadi ruang kelas, yang di dalamnya mengandungi meja, kerusi panjang, dan papan tulis. Bulan pertama pelajarinya berjumlah baru 9 (sembilan) orang anak dan enam bulan kemudian muridnya berjumlah 20 orang anak.

Kemudian, walaupun berawal sedemikian sepertimana di sebut di atas ini, di kerana dasar adalah ketulusiklasan yang dijalankan oleh KH. Ahmad Dahlan bersama organisasi Muhammadiyah diasaskannya tersebut, maka institusi pendidikannya semakin berkembang terus. Tidak menghairankan perkembangan amal usaha Muhammadiyah terutamanya di bidang institusi pendidikannya semakin bertambah maju sehingga pada Mukhtamar ke 46 tahun 2010 di Yogyakarta, telah berjumlah sebanyak 16,942 buah. Kelajuan ini sehingga organisasi Muhammadiyah dikatakan oleh para pakar dunia sebagai organisasi yang terbesar di dunia dalam jumlah amal usahanya, bahkan Negara tidak mampu menyainginya. Seharusnya Negara republik

Indonesia berterima kasih dan bersyukur bahawa Muhammadiyah, telah lebih mampu melaksanakan tugasnya berbanding dengan Negara dalam mencerdaskan generasi bangsanya melalui institusi pendidikan. Ketidakmampuan Negara dalam melaksanakan amanah dengan kos Negara yang melimpah terhadap institusi pendidikannya. Di mana institusi pendidikan Negara semakin hari semakin tersungkur walaupun kosnya melimpah, yang seharusnya dana Negara tersebut dialihkan secara merata sesuai kapasiti daripada jumlah institusi pendidikan baik dikelola oleh Muhammadiyah, NU mahupun oleh organisasi lain, tentu yang telah terbukti lebih mampu dan amanah. Jadi apa yang dilakukan oleh gerakan Muhammadiyah mesti dicontohi oleh umat Islam di dunia ini dalam melaksanakan amanah umat terutama hal pengurusan pendidikan yang bersifat moden guna melintasi peradaban zaman.

#### RUJUKAN

- A. Mukti Ali. 1975. *The Muhammadiyah Movement: A Bibliographical Introduction*. Montreal: McGill University.
- A. Rosyad Sholeh. 2011. *Pedoman; Prioritas Program Pengembangan 2010-2015*. Suara Muhammadiyah: 05 / 96 | 1 - 15 Marc.
- Abdul Munir Mulkhan. 2012. *Ilmu Dan Pendidikan Dalam Pandangan Kyai Ahmad Dahlan*, Curahan Ilmu, Hikmah, dan Mutiara Hati,
- Ahmad Najib Burhani. 2004. *Muhammadiyah Jawa*. Jakarta: Al-Wasat.
- Anon. *Sejarah Singkat Muhammadiyah*, <http://suara-muhammadiyah.com/>, hlm.1. [2012, 21 March].
- Anon. 2011. *Wikipedia bahasa Indonesia, ensiklopedia bebas*.
- Azyumardi, Azra. 2002. *Islam Nusantara; Jaringan Global dan Lokal*, Cet. I. Bandung: Mizan Media Utama.
- Badri Yatim. 2006. *Sejarah Peradaban Islam*, cet. II, PT. Jakarta: Raja Grafindo Persada,
- Dadang Syaripudin. 2011. *Kriteria hisab wujud al-hilal yang digunakan muhammadiyah dalam penetapan awal bulan qamariyah (Prespektif Hukum Islam)*. Di pos. 13 November 2011). dlm. <http://elmue.blogspot.com/2011/11/kriteria-hisab-wujud-al-hilal-yang.html>. [1 Januari 2012].
- Delia Noer. 1980. *Gerakan Moden Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES.
- Delia Noer. 1995. *Gerakan Moden Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES.
- Djarnawi Hadikusuma. tt. *Risalah Islamiyah*. Yogyakarta: Persatuan.
- Hamka. 1990. *Tafsir al-Azhar*, juz 20. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hafidzi Mohd Noor. 2011. *Siapakah watak dalam movie 'Sang Pencerah' Jejak Risalah di Nusantara*. Jild. VI, dlm. <http://lambaian-islam.blogspot.com/2011/05/siapakah-watak-dalam-movie-sang.html>. [12 September 2012].

- Hadjid. 2005. *Pelajaran KHA Dahlan; 7 Falsafah Ajaran & 17 Kelompok Ayat Al-Qur'an*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah Malang Press.
- Hasbullah. 1995. *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Pres.
- Hasbullah. 1996. *Kapita Selekta Pendidikan Islam*. Ed. I. Jakarta: Rajawali Persada.
- Ibn Katsir. 1999. *Tafsir, Al Misbah Al Munir fi Tahzib*.
- Junus Salam, 1968. *Riwayat Hidup K.H. A. Dahlan; Amal dan Perdjaoangannya*, Ed.II, Jakarta: Depot Pengajaran Muhammadiyah.
- KH. Ahmad Dahlan. 1924. *Suara Muhammadiyah*. Ed.3.
- Khalid bin Abdul Karim al Khayat. 1991. *al-Uslub al-Tarbawiyah lidda'wah Ilallah fi al-'Asr al-Hadir*. Dar al-Mujtama': Madinah al-Munawarah.
- Maman A. Majid Binfas. 2003. *Muhammadiyah Versi A.Dahlan Mulai Terlupakan*, Majalah Tabligh. Nomor: 04.
- Maman A. Majid Binfas. 2011. Jatuh bangun sebuah negara banyak bergantung pada kekukuhan hubungan etnik yang terjalin antara pelbagai kaum di sebuah negara tersebut. Makalah tugas Mata Kuliah Bahasa Melayu 1. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Mahmud Yunus. 1996. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Muhammad Mushtafa al Adzamy. 1992. *Dirasaat fi al Hadits an Nabawy*. Bayrut: al Maktab al Islamy.
- Muhammad Syamsu As. 1999. *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*. Jakarta: Lentera.
- Mulyawan Karim. 2008. Kipling; Ratu Wilhelmina dan Budi Utomo, *Harian Kompas*, Isnin, 5 Mei.
- Mundzirin Yusuf, dkk. 2006. *Sejarah Peradaban Islam di Indonesia*, Cet. I, Yogyakarta: Penerbit Pustaka.
- Mohamad Abu Bakar. 1997. *Ulama Pondok dan Politik Kepertian di Malaysia 1945-1985*; Norazit Selat. Ed. Ekonomi dan Politik Melayu. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu.
- Musthafa Kamal Pasha. 1975. *Muhammadiyah sebagai Gerakan Islam untuk Angkatan Muda*. Persatuan: Yogyakarta.
- Mt Arifin. 1987. *Gagasan Pembaharuan Muhammadiyah Dalam Pendidikan*. Jakarta: PT. Pustaka Jaya.
- Nurcholish Madjid. 1997. *Tradisi Islam Peranan dan Fungsinya dalam Pembangunan di Indonesia*. Jakarta: Paramadina.
- Peacock, J.L. 1986. *The Muhammadiyah Movement in Indonesia Islam*. Jakarta: Cipta Kreatif.
- Roff, W.R. 2003. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Solichin Salam. 1963. *K.H.Ahmad Dahlan: Reformasi Islam Indonesia*. MCMLXIII. Djakarta: Djajamurni.
- Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashra. 1986. *Krisis Dalam Pendidikan Islam*. diterjh. Fadhlan Mudhafir, Al-Mawardi Jakarta: Prima.
- Syamsi Sumardjo. 1976. *Pengetahuan Muhammadiyah dengan Tokoh-tokohnya dalam Kebangunan Islam*. Yogyakarta: P.B. Muhammadjah.
- Usman Yatim dan Almisar Hamid (pnyt.). 1993. *Muhammadiyah Dalam Sorotan*, Jakarta: PT Bina Rena Pariwisata.
- Yusran Asmuni. 2001. *Pengantar Studi Pemikiran dan Gerakan Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.

Maman Abdul Majid Binfas  
Pelajar Ph.D.  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: mabinfas@yahoo.co.id

Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Ph.D.  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: syukri@ukm.edu.my

Ahmad Munawar Ismail, Ph.D.  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA